

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha untuk mendidik pengguna menjimatkan penggunaan air.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa menjalankan kempen kesedaran dan penjimatan air sejak tahun 2008 untuk memberi kesedaran kepada pengguna akan betapa pentingnya air dan tanggungjawab pengguna dalam menjimatkan penggunaan air. Beberapa kempen tersebut telah dijayakan bersama-sama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan seperti Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Forum Air Malaysia melalui media massa, *billboard*, pameran-pameran serta program *outreach* yang dijalankan di sekolah-sekolah.
2. Selain pendidikan dan kesedaran kepada pengguna, SPAN juga telah memperkenalkan Skim Pelabelan Produk Cekap Air yang bertujuan memberi panduan kepada pengguna-pengguna apabila mereka membeli produk-produk yang boleh menjimatkan penggunaan air. Walau pun pada masa ini penggunaan produk cekap air adalah secara sukarela, Kerajaan mempunyai

perancangan untuk menjadikan penggunaannya mandatori seperti yang di amalkan di beberapa negara-negara lain seperti Australia dan Singapura. Pada masa ini, di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi dan Pemasangan Paip) 2014 yang dikuatkuasakan pada 1 Februari 2014, hanya penggunaan tandas dua simbahan (*dual flush water closet*) bagi bangunan-bangunan baru yang telah diwajibkan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 42**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan dengan terperinci:-**

- (a) adakah Jabatan Penerbangan Awam telah memaklumkan Tentera Udara Diraja Malaysia dalam tempoh sepuluh minit pertama kehilangan pesawat MH370; dan
- (b) Tatacara Operasi Standard (SOP) yang perlu dipatuhi sekiranya pesawat penerbangan awam terputus hubungan dan gagal dikesan seperti pesawat MH370.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, tiada keperluan untuk Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menghubungi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dalam tempoh sepuluh minit pertama kehilangan pesawat MH370 berdasarkan mana-mana SOP. Walau bagaimanapun, pihak DCA akan menghubungi TUDM sebaik sahaja operasi *Search and Rescue* (SAR) diaktifkan.
  
- (b) Tatacara Operasi Standard yang diperuntukkan di bawah *Manual of Air Traffic Services* (MATS) menyatakan bahawa perkara pertama yang harus dilakukan sekiranya pesawat penerbangan awam terputus hubungan dan gagal dikesan ialah seperti berikut:
  - (i) melakukan semakan komunikasi (*communication checks*) dengan pesawat tersebut;
  - (ii) memohon bantuan pesawat yang lain untuk menghubungi pesawat tersebut;
  - (iii) mendapatkan bantuan dari negara-negara jiran seperti Singapura dan Vietnam untuk menghubungi pesawat tersebut; dan
  - (iv) mendapatkan bantuan lain-lain agensi seperti syarikat penerbangan.